

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

1. Beras cap Feri.
  - (a) Jelaskan mekanisme pelaksanaannya.
  - (b) Berapa jenis / kategori beras?
  - (c) Bilakah paling awal akan masuk pasaran dan jumlah bekalan (dalam tan) yang disasarkan setahun?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Beras Cap Feri Pulau Pinang telah diwujudkan bagi memantau proses Beras Cap Feri negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Pengurus Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan diurussetiakan oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Manakala ahli jawatankuasa terdiri daripada pihak Kawalselia Padi & Beras Negeri Pulau Pinang (KPB), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA), Beras Nasional (BERNAS), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN).

Pemilihan/lantikan syarikat akan dibuat secara perolehan terbuka. Jabatan/agensi berkaitan akan membantu dalam

promosi dan penjualan Beras Cap Feri kepada pengguna dan rakyat negeri Pulau Pinang.

- (b) Jawatankuasa telah bersetuju akan menggunakan beras tempatan dan import untuk perancangan jangka masa pendek dan seterusnya menggunakan padi tempatan untuk pelan jangka masa panjang bagi pelaksanaan Beras Cap Feri. Walaubagaimanapun, pengeluaran pertama beras cap feri ini akan menggunakan beras import dahulu memandangkan Kerajaan Negeri masih lagi membincangkan mekanisme yang terbaik bagi mendapatkan bekalan padi tempatan dari pesawah-pesawah di negeri Pulau Pinang untuk pelan jangkamasa panjang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Exco Agroteknologi telahpun berbincang dan mendapatkan persetujuan dari Padi Beras Nasional (BERNAS) pada 14 Mei 2024 yang lepas untuk bekalan beras import yang cukup untuk sepanjang tahun.
- (c) Pihak FAMA sedang menyediakan *Request for Proposal* (RFP) bagi tujuan lantikan syarikat yang akan menguruskan proses pembungkusan, pengedaran dan penjualan beras ini. Syarikat berkenaan akan melaksanakan *pilot test* terlebih dahulu dengan menggunakan beras import. Dianggarkan jumlah bekalan yang disasarkan melebihi 1,440 tan metrik setahun. Pengeluaran beras cap feri ini dijangkan akan dilaksanakan selewat-lewatnya pada 1 Julai 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

2. Perincikan nilai (dalam tan) setiap hasil keluaran pertanian dan ternakan bagi tujuan makanan di negeri ini bagi tahun 2020 hingga 2023.
  - (a) Tahap Sara Diri (SSL) bagi bahan-bahan makanan tersebut.
  - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Hasil keluaran pertanian untuk tujuan makanan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2023 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Komoditi</b>	<b>Pengeluaran (tan metrik)</b>
2020	Padi	121,594.73
	Buah-buahan	24,912.37
	Sayur-sayuran	10,323.64
2021	Padi	136,919.66
	Buah-buahan	22,840.17
	Sayur-sayuran	12,154.46
2022	Padi	133,639.20
	Buah-buahan	23,911.00
	Sayur-sayuran	12,154.59
2023	Padi	122,345.23

	Buah-buahan	32,946.19
	Sayur-sayuran	83,719.59

- (a) Kadar Sara Diri (SSR) yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia adalah untuk keseluruhan negara Malaysia. Justeru, tiada SSR di peringkat Negeri Pulau Pinang. Maklumat SSR bagi sektor pertanian adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala bagi sektor ternakan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (b) Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui jabatan/agensi berkaitan bagi mempertingkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan adalah seperti berikut:
- (i) Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) telah menerima peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM6.93 juta bagi pelaksanaan 14 projek/program pembangunan yang memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar iaitu petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian dan sosio-ekonomi masing-masing seterusnya mengukuhkan lagi rantaian bekalan makanan agar lebih berdaya tahan dan mampan dalam menghadapi pelbagai situasi luar jangka;
  - (ii) DOA akan berusaha memastikan tiga (3) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu TKPM Ara Kuda, TKPM Mayfield dan Taman AgroTeknologi DOA-PERDA Ara Kuda terus beroperasi bagi memastikan pengeluaran sayuran dapat memenuhi keperluan penduduk negeri Pulau Pinang;
  - (iii) Pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sentiasa menyalurkan peruntukan bagi memastikan pengeluaran hasil padi di negeri Pulau Pinang akan terus meningkat. Sebagai rekod, hasil pengeluaran padi di negeri Pulau Pinang antara yang tertinggi di Malaysia dengan hasil purata pada tahun 2022 adalah sebanyak 5.053 tan metrik per hektar dan hasil sebanyak 5.054 tan metrik per hektar bagi tahun 2023; dan
  - (iv) Mengenal pasti tanah berpotensi terutama milik jabatan/agensi persekutuan untuk dibangunkan sebagai projek pengeluaran tanaman makanan. Sebagai contoh,

Projek Tanah Berpotensi Mengkuang Bainun yang berkeluasan 99.01 hektar dengan penglibatan petani seramai 15 orang.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sentiasa berusaha untuk membantu penternak dalam mengekalkan atau mengembangkan bidang penternakan melalui bantuan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri seperti berikut:

- (i) Pembinaan kandang lembu/kambing dengan peruntukan maksimum RM50,000.00 kepada setiap peserta;
- (ii) Penaiktarafan kandang lembu/kambing dengan peruntukan maksimum RM20,000.00 kepada setiap peserta;
- (iii) Penanaman makanan ternakan rumput dengan peruntukan maksimum RM20,000.00 kepada setiap peserta;
- (iv) Agihan baka lembu/kambing dengan peruntukan maksimum RM10,000.00 kepada setiap peserta; dan
- (v) Perolehan mesin/peralatan ladang dengan peruntukan maksimum RM10,000.00 kepada setiap peserta.

Di samping itu, JPV juga melaksanakan perolehan makanan ternakan (dedak) dan bata garam (*supplement*) untuk diagihkan kepada penternak sekiranya terdapat lebihan peruntukan Kerajaan Negeri, setelah mengutamakan perolehan bagi bantuan bernilai besar yang dinyatakan seperti di atas.

JPV juga menyediakan perkhidmatan permanian beradas (AI) kepada penternak dimana penternak boleh mendapatkan perkhidmatan suntikan benih lembu (*semen*) di ladangnya bagi membuntingkan ternakan mereka. Selain itu, sekiranya terdapat ternakan yang tidak sihat, penternak boleh berhubung dengan JPV untuk mendapatkan rawatan dan khidmat nasihat daripada jabatan.

JPV turut menganjurkan latihan kepada penternak seperti kursus, seminar, kempen, sesi libat urus bagi menyalurkan maklumat mengenai aspek pengurusan ternakan, kesihatan ternakan, penggunaan teknologi dan inovasi terkini dan lain-lain untuk meningkatkan kompetensi penternak di dalam bidang ternakan.

## KADAR SARA DIRI (SSR) MALAYSIA BAGI SEKTOR PERTANIAN TAHUN 2018 HINGGA 2022



**LAMPIRAN B**

**PENGELUARAN KOMODITI TERNAKAN UTAMA NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020-2023**

Komoditi	Perkara	2020	2021	2022	2023
Daging Ayam / Itik	SSR Malaysia (%) Daging Ayam	101.7	99.9	93.3	N/A
	SSR Malaysia (%) Daging Itik	125.2	130.6	130.8	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	79,755.13	76,553.94	93,921.02	92,965.43
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi
Telur Ayam Itik	SSR Malaysia (%)	114.1	114.4	109.0	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (Biji)	189,549,000	193,983,700	235,697,650	299,599,860
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi
Daging Babi	SSR Malaysia (%)	94.9	93.4	84.6	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	32,155.22	29,063.52	25,144.08	17,677.26
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi

Komoditi	Perkara	2020	2021	2022	2023
Daging Lembu / Kerbau	SSR Malaysia (%)	21.3	18.9	14.7	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	4,600.32	2,414.93	2,696.38	2,594.04
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi
Daging Kambing / Bebiri	SSR Malaysia (%)	9.4	10.7	8.7	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	209.39	88.33	150.24	145.57
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi
Susu Segar	SSR Malaysia (%)	64.2	56.7	57.3	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (Liter)	996,795	941,430	954,190	733,920
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi

\*Tiada SSR di peringkat Negeri Pulau Pinang dan merujuk kepada SSR Malaysia sahaja disebabkan maklumat yang diperoleh terhad dan tidak boleh digunakan untuk pengiraan di peringkat Negeri bagi mengelakkan perbezaan kaedah pengiraan SSR.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

3. Pada sidang DUN lalu, EXCO Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi memaklumkan Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghasilkan benih padi sah (BPS) dengan kerjasama pihak swasta.
  - (a) Apakah status terkini cadangan itu?
  - (b) Sudahkah dikenal pasti kawasan sawah khusus untuk tanaman padi bagi menghasilkan benih?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Pengeluaran Benih Padi Sah merupakan satu program di bawah Skim Pengesahan Benih Padi melalui Jabatan Pertanian (DOA), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Pengeluar Benih Padi Sah haruslah dilantik oleh KPKM secara langsung. Sehubungan dengan itu, YB Pengurus Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan telah meminta DOA negeri Pulau Pinang untuk mengenalpasti petani-petani baru yang akan mengusahakan ladang benih di negeri Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti satu kilang benih padi yang diklasifikasikan sebagai terbiar di Bumbung Lima. Kilang benih padi ini pada asalnya diusahakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sebelum diserahkan untuk diurus tadbir oleh MADA. Oleh itu, kerajaan negeri melalui YB Pengurus Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan telah mendapatkan semua butiran aset dan fasiliti kilang berkenaan

daripada DOA dan sedang mempertimbangkan untuk memohon kepada KPKM untuk mendapatkan semula kilang benih padi berkenaan dan diurus tadbir sendiri oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi merealisasikan pengeluaran benih padi di bawah kerajaan negeri.

- (b) Selain ladang benih yang telah mendaftar sebagai pengeluar Benih Padi Sah, plot-plot sawah di Kompleks Pertanian Bumbung Lima telah didaftarkan sebagai ladang benih dan program penanaman akan bermula pada Musim 2/2024 iaitu pada Mei 2024. Pendaftaran ini melibatkan keluasan 28 hektar di bawah seliaan DOA. Bagi plot-plot sawah di Stesen Padi Bukit Merah, Permatang Pauh pula akan didaftarkan sebagai ladang benih dan program penanaman dijangka akan dimulakan pada musim 2/2025 iaitu pada Mei 2025. Buat masa ini plot sawah di Stesen Padi Bukit Merah memberi tumpuan kepada program kawalan tikus dan peningkatan hasil sebelum memulakan program ladang benih.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

4. Pada tahun 2023, Zakat Pulau Pinang telah berjaya mengutip RM159.7 juta.
  - (a) Nyatakan inisiatif diambil ZPP bagi mencapai sasaran kutipan pada tahun 2024.
  - (b) Perincikan bilangan Muzakki dan nilai zakat mengikut jenis-jenis zakat harta yang dikutip pada tahun 2023.
  - (c) Jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun 2024.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Antara inisiatif yang diambil oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) bagi mencapai sasaran kutipan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:
  - (i) Kempen Skim Sakinah (potongan zakat bulanan) secara menyeluruh kepada semua agensi khususnya penjawat awam kerajaan persekutuan dan negeri yang berkhidmat di negeri Pulau Pinang;
  - (ii) Kempen Qada Zakat bagi memupuk kesedaran berzakat kepada masyarakat Islam dan tanggungjawab menunaikan zakat yang belum ditunaikan oleh kerana lupa, sengaja atau meninggalkanya dengan apa-apa alasan sehingga berlalu haulnya (setahun);

- (iii) ZPP juga akan memperkasakan semua saluran pembayaran zakat kepada masyarakat antaranya kaunter kutipan, potongan gaji, wakil kutipan zakat dan platform atas talian;
  - (iv) ZPP juga akan memperkasakan kutipan zakat secara atas talian melalui penggunaan Portal zakatpenang2u.com dan aplikasi Mai Zakat. Inisiatif ini adalah tanda komitmen ZPP untuk mendigitalkan kutipan zakat di Pulau Pinang; dan
  - (v) Kepercayaan masyarakat kepada ZPP merupakan antara teras utama yang memberi impak kepada Kutipan zakat di Pulau Pinang. Oleh itu, ZPP komited untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat melalui inisiatif-inisitif agihan yang berimpak tinggi kepada asnaf.
- (b) Berikut merupakan perincian bilangan ‘Muzakki’ beserta nilai zakat mengikut jenis-jenis zakat harta yang dikutip pada tahun 2023:

<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>PEMBAYAR</b>
ZAKAT PENDAPATAN	96,017,360.98	65,726
ZAKAT PERNIAGAAN	30,414,653.23	2,713
ZAKAT WANG SIMPANAN	16,308,476.83	6,927
ZAKAT SAHAM	1,055,187.08	569
ZAKAT KWSP	3,204,556.88	1,504
ZAKAT EMAS	1,766,016.37	1,147
ZAKAT PERAK	8,937.00	18
QADHA ZAKAT	287,077.84	288
ZAKAT DIKEMBALIKAN	0.00	0
ZAKAT HARTA	3,437,653.07	720
ZAKAT TANAMAN	359,601.11	465
ZAKAT TERNAKAN	500.00	1
ZAKAT GALIAN	0.00	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>152,860,020.39</b>	<b>75,298</b>

<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>PEMBAYAR</b>
ZAKAT FITRAH	6,844,348.00	829,304

- (c) ZPP menyasarkan kutipan Zakat Fitrah bagi tahun 1445H/2024M sebanyak RM7,000,000.00. Sehingga 8 Mei 2024, kutipan semasa adalah sebanyak RM6,579,124.00 bersamaan 93.99% daripada jumlah yang disasarkan. Terdapat 14 daripada 237 pusat kutipan yang dilantik belum menyerahkan laporan kutipan kepada ZPP. Beberapa saluran bayaran Zakat Fitrah atas talian masih dalam proses semakan oleh Jabatan Akaun dan Kewangan, ZPP.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

5. Apakah Kerajaan Negeri ada perancangan untuk menjalankan kerja-kerja mendalamkan Sungai Muda bagi meningkatkan kapasiti takungan air mentah?
  - (a) Apakah di Pantai Kamloon sesuai dilaksanakan projek Takungan Air Pesisiran Sungai (TAPS)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri sehingga kini masih belum ada perancangan untuk menjalankan kerja-kerja mendalamkan Sungai Muda di *downstream* Pulau Pinang bagi meningkatkan kapasiti takungan air mentah. Walau bagaimanpun Kerajaan Negeri telah mempunyai beberapa perancangan pembangunan projek melibatkan Sungai Muda dan di antaranya adalah Projek Pembinaan Baraj Baru di Rantau Panjang Sungai Muda, Seberang Perai Utara melalui permohonan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan. Pembinaan alur limpah yang baru ini akan meningkatkan kebolehambilan air mentah bagi memenuhi permintaan dan pembangunan di negeri Pulau Pinang akibat daripada pembaziran air ke laut disebabkan ketinggian baraj yang tidak sama di antara Baraj PBAPP dan Baraj PLSM di Sungai Muda. Selain itu, PBAPP juga telah mengambil inisiatif bagi pembangunan Loji Rawatan Air dengan kapasiti 114 MLD di Sungai Muda pada masa hadapan melalui pelan kontigensi 2030 bagi memenuhi dan memoptimumkan permintaan bekalan air kepada penduduk di negeri Pulau Pinang.
  - (a) Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk melihat potensi Pantai Kamloon untuk dilaksanakan

projek Takungan Air Pesisiran Sungai (TAPS) serta beberapa cadangan lokasi yang strategik dan sesuai untuk dilaksanakan TAPS melalui kajian yang sedang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik oleh Bahagian Bekalan Air Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Kajian perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengenalpasti kebolehasilan kapasiti takungan serta kualiti yang bersesuaian dengan piawaian yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

6. Kebergantungan kepada LRA Sungai Dua untuk pembekalan air bersih bagi seluruh negeri menyebabkan krisis bila berlaku sesuatu yang tidak diingini dan menyebabkan LRA itu dihenti tugas. Apakah Kerajaan Negeri ada pertimbangan untuk wujudkan satu LRA bagi setiap daerah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Sehingga kini, pembinaan LRA setiap daerah telahpun diwujudkan dan beroperasi sepenuhnya di bawah pengoperasian Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) namun yang menjadi isu utama adalah kebergantungan sumber air mentah negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 80% daripada Sungai Muda dan selebihnya adalah melalui kawasan tadahan yang berada di dalam Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mengambil inisiatif menyediakan Pelan Kontigensi Air 2030 (Water Contingency Plan 2030) dengan pelaburan sebanyak RM1.18 bilion untuk membangunkan projek infrastruktur bekalan air melalui lapan (8) projek utama bagi memenuhi permintaan bekalan air sehingga Tahun 2030 seperti berikut:

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1.	New Bukit Panchor DAF (Dissolved air flotation ) WTP	2023	10	18.6
2.	Package 12A Sungai Dua WTP (additional water treatment module)	2023	114	31

3.	Laying 13 km of 1,800 mm water distribution from Sungai Dua WTP to Butterworth in Seberang Perai	2024		128
4.	Laying of 3.9 km of 1,800 mm water distribution pipelines from Macallum area to PBAPP Bukit Dumbar Reservoir and Pumping Station Complex on Penang Island	2024		44
5.	Mengkuang dam WTP	2025	114	120
6.	Sungai Kerian WTP	2027	114	171
7.	Sungai Perai water supply scheme (including pre-treatment of raw water)	2028	136	500
8.	Sungai Muda WTP	2028	114	171
<b>JUMLAH</b>				1,183.6

Projek-projek ini akan mengoptimum dan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di Pulau Pinang dan membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan tiga (3) sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai iaitu Pakej Pembesaran Empangan Mengkuang, Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan dan Sungai Perai di Seberang Perai Utara. Dengan adanya inisiatif ini akan membantu Pulau Pinang meminimumkan krisis bekalan air dan seterusnya menunjukkan Kerajaan Negeri terus komited dalam memastikan bekalan air berterusan kepada penduduk negeri Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha memastikan projek pemindahan air dari Sungai Perak dapat dilaksanakan dengan segera sebagai penyelesaian jangka masa panjang bagi memenuhi keperluan dan permintaan air menjelang tahun 2050.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

7. Bil PBAPP, mutakhir ini, terdapat keluhan rakyat perlu membayar bil air yang tinggi berikutan pelarasan tarif air di seluruh negara.
  - (a) Apakah PBAPP boleh bersetuju untuk melaksanakan pengebilan secara bulanan?
  - (b) Apakah implikasi kepada aliran tunai PBAPP jika laksana pengebilan secara bulanan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri mengambil maklum dengan keluhan rakyat perlu membayar bil air yang tinggi berikutan pelarasan tarif air di seluruh negara melibatkan semua kategori pengguna.
  - (a) PBAPP telah melaksanakan analisa berkaitan dengan pengebilan secara bulanan dan mendapati jumlah bil air adalah sama atau lebih rendah apabila pengebilan dibuat secara dwibulanan berbanding pengebilan secara bulanan dan kaedah ini lebih memberi faedah kepada pengguna dengan penjimatan lebih kurang RM10-15 mengikut jumlah penggunaan. Kaedah pengiraan pelarasan tarif baharu adalah seperti **LAMPIRAN A** untuk rujukan.
  - (b) Pengebilan secara bulanan akan memberi implikasi kepada aliran tunai PBAPP dengan peningkatan kepada kos operasi termasuk kos tenaga pekerja, cetakan bil dan kos-kos lain yang berkaitan.

PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD  
Domestic (New rates) 1.2.2024

**ATTACHMENT ID 428**

Band Parameters	RM
0-20m³	0.62
20-35m³	1.17
>35m³	2.07
Minimum charge	6.20

A	
<b>Samples of actual water bills (Bi-monthly) with new rates</b>	
<b>Scenario 1 - Bi-Monthly</b>	
Total consumption : 70m³ (2 months @ 1 cycle)	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
35m³ : 1 month	29.95
Total water bill (Bi-Monthly) (RM29.95 x 2 months)	<b>59.90</b>
<b>Scenario 2 - Bi-Monthly</b>	
Total consumption : 46m³ (2 months @ 1 cycle)	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
3m³ x RM1.17	3.51
23m³ : 1 month	15.91
Total water bill (Bi-Monthly) (RM15.91 x 2 months)	<b>31.82</b>
<b>Scenario 3 - Bi-Monthly</b>	
Total consumption : 73m³ (2 months @ 1 cycle)	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
1.5m³ x RM2.07	3.11
38.5m³ : 1 month	33.06
Total water bill (Bi-Monthly) (RM33.06 x 2 months)	<b>66.11</b>
<b>Scenario 4 - Bi-Monthly</b>	
Total consumption : 75m³ (2 months @ 1 cycle)	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
2.5m³ x RM2.07	5.18
37.5m³ : 1 month	35.13
Total water bill (Bi-Monthly) (RM35.13 x 2 months)	<b>70.25</b>
<b>Scenario 5 - Bi-Monthly</b>	
Total consumption : 90m³ (2 months @ 1 cycle)	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
10m³ x RM2.07	20.70
45m³ : 1 month	50.65
Total water bill (Bi-Monthly) (RM50.65 x 2 months)	<b>101.30</b>

B	
Total Bill (Month 1 + Month 2)	Savings to consumers
<b>Samples of actual water bills (Monthly) with new rates</b>	
<b>Scenario 1 - Monthly</b>	
Month 1	
Total consumption : 25m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
5m³ x RM1.17	5.85
Total	18.25
Total water bill	<b>18.25</b>
Month 2	
Total consumption : 45m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
10m³ x RM2.07	20.70
Total	50.65
Total water bill	<b>50.65</b>
C = B - A	
68.90	
9.00	
<b>Scenario 2 - Monthly</b>	
Month 1	
Total consumption : 8m³	
RM	
8m³	6.20
Total	6.20
Total water bill	<b>6.20</b>
Month 2	
Total consumption : 38m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
3m³ x RM2.07	6.21
Total	36.16
Total water bill	<b>36.16</b>
42.36	
10.54	
<b>Scenario 3 - Monthly</b>	
Month 1	
Total consumption : 54m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
10m³ x RM2.07	20.70
Total	60.28
Total water bill	<b>60.28</b>
Month 2	
Total consumption : 19m³	
RM	
19m³ x RM0.62	11.78
Total	11.78
Total water bill	<b>11.78</b>
81.06	
14.95	
<b>Scenario 4 - Monthly</b>	
Month 1	
Total consumption : 21m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
1m³ x RM1.17	1.17
Total	13.57
Total water bill	<b>13.57</b>
Month 2	
Total consumption : 54m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
19m³ x RM2.07	39.33
Total	69.28
Total water bill	<b>69.28</b>
82.85	
12.60	
<b>Scenario 5 - Monthly</b>	
Month 1	
Total consumption : 40m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
5m³ x RM2.07	10.35
Total	40.30
Total water bill	<b>40.30</b>
Month 2	
Total consumption : 50m³	
RM	
20m³ x RM0.62	12.40
15m³ x RM1.17	17.55
15m³ x RM2.07	31.05
Total	61.00
Total water bill	<b>61.00</b>
101.30	
-	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

8. Apakah alternatif yang boleh dilaksanakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) jika cadangan bekalan air bersih dari negeri Perak tidak dapat direalisasikan mengikut tempoh masa disasarkan Kerajaan Negeri?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif menyediakan Pelan Kontigensi Air 2030 (Water Contingency Plan 2030) dengan pelaburan sebanyak RM1.18 billion untuk membangunkan projek infrastruktur bekalan air melalui lapan (8) projek utama bagi memenuhi permintaan bekalan air sehingga tahun 2030 seperti berikut:

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1	New Bukit Panchor DAF (Dissolved Air Flotation ) WTP	2023	10	18.6
2	Package 12A Sungai Dua WTP ( <i>additional water treatment module</i> )	2023	114	31
3	<i>Laying 13 km of 1,800 mm water distribution from Sungai Dua WTP to Butterworth in Seberang Perai</i>	2024		128
4	<i>Laying of 3.9 km of 1,800 mm water distribution pipelines from Macallum area to</i>	2024		44

	PBAPP Bukit Dumbar Reservoir and Pumping Station Complex on Penang Island			
5	Mengkuang Dam WTP	2025	114	120
6	Sungai Kerian WTP	2027	114	171
7	Sungai Perai <i>water supply scheme (including pre-treatment of raw water)</i>	2028	136	500
8	Sungai Muda WTP	2028	114	171
<b>JUMLAH</b>				1,183.6

Projek-projek ini akan mengoptimum dan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di Pulau Pinang dan membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan tiga (3) sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai iaitu Pakej Pembesaran Empangan Mengkuang, Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan dan Sungai Perai di Seberang Perai Utara. Dengan adanya inisiatif ini akan membantu Pulau Pinang meminimumkan krisis bekalan air dan seterusnya menunjukkan Kerajaan Negeri terus komited dalam memastikan bekalan air berterusan kepada penduduk negeri Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui PBAPP juga sentiasa meneroka untuk melihat sumber-sumber baru yang berpotensi untuk dijadikan sumber bekalan air tambahan bagi negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanpun kajian lanjut melalui *feasibility study* perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengenalpasti keperluan-keperluan teknikal dari segi kualiti dan kuantiti sumber tersebut sesuai untuk dijadikan sumber air. Diantara sumber-sumber yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (a) Kebolehasilan Sungai Kerian untuk sumber air mentah tambahan;
- (b) Kebolehasilan Sungai Perai untuk sumber air mentah tambahan;
- (c) Air Bawah Tanah (*Groundwater*);
- (d) Kebolehasilan air laut sebagai sumber alternatif (*Desalination*);

- (e) Kebolehlaksanaan *coastal reservoir* menggunakan sumber air Sungai Muda atau Sungai Kerian;
- (f) Kajian Kolam Takungan TAPS; dan
- (g) *Water reclamation* untuk *non portable water*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

9. Berkait Kemiskinan Tegar.

- (a) Berapakah jumlah Isi Rumah yang masih dalam kategori Miskin Tegar di Pulau Pinang sehingga 31 Mac 2024? Perincikan mengikut kawasan DUN.
- (b) Sudahkah diselaraskan data dan senarai keluarga Miskin Tegar di antara agensi-agensi yang berkaitan?
- (c) Jenis-jenis bantuan yang disediakan Kerajaan Negeri untuk mereka.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHKAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Miskin Tegar (MT) di Negeri Pulau Pinang telah dinuktahkan pada 30 April 2024. Kerajaan Persekutuan melalui Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah mengunci data eKasih pada Januari 2023 dengan bilangan 4,949 Ketua Isi Rumah (KIR) yang masih dalam kategori Miskin Tegar dan perlu diberi tumpuan untuk dinuktahkan. Kerajaan Persekutuan telah memberi tumpuan kepada data yang dikunci tersebut memandangkan data eKasih bersifat dinamik. Justeru, data KIR Miskin Tegar yang dikunci dengan jumlah 4,949 telah berjaya dinuktahkan pada 30 April 2024.

Proses verifikasi bancian ke atas permohonan eKasih dan proses pemutihan data sentiasa dilaksanakan dan disebabkan proses

tersebut, data Miskin Tegar masih wujud di dalam Sistem eKasih. Berdasarkan kepada data eKasih hingga 31 Mac 2024, terdapat sebanyak 3,441 KIR dalam kategori Miskin Tegar. **Jadual 1** adalah bilangan KIR berstatus Miskin Tegar mengikut pecahan daerah dan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

**JADUAL 1: BILANGAN KETUA ISI RUMAH (KIR) BERSTATUS MISKIN TEGAR MENGIKUT PECAHAN DAERAH DAN KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)**

<b>DAERAH [DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)]</b>	<b>BILANGAN KIR</b>
<b>Barat Daya</b>	<b>353</b>
1. Batu Maung	58
2. Bayan Lepas	99
3. Pantai Jerejak	34
4. Pulau Betong	80
5. Telok Bahang	82
<b>Seberang Perai Selatan</b>	<b>471</b>
6. Bukit Tambun	77
7. Jawi	129
8. Sungai Acheh	134
9. Sungai Bakap	131
<b>Seberang Perai Tengah</b>	<b>706</b>
10. Berapit	38
11. Bukit Tengah	60
12. Machang Bubuk	124

13.	Padang Lalang	66
14.	Penanti	133
15.	Perai	43
16.	Permatang Pasir	110
17.	Seberang Jaya	132
<b>Seberang Perai Utara</b>		<b>1,325</b>
18.	Bagan Dalam	71
19.	Bagan Jermal	80
20.	Bertam	101
21.	Penaga	235
22.	Permatang Berangan	212
23.	Pinang Tunggal	214
24.	Sungai Dua	226
25.	Sungai Puyu	88
26.	Telok Ayer Tawar	98
<b>Timur Laut</b>		<b>586</b>
27.	Air Itam	63
28.	Air Putih	75
29.	Batu Lancang	27
30.	Batu Uban	45
31.	Datok Keramat	42
32.	Kebun Bunga	20

33.	Komtar	36
34.	Padang Kota	12
35.	Paya Terubong	80
36.	Pengkalan Kota	19
37.	Pulau Tikus	13
38.	Seri Delima	28
39.	Sungai Pinang	97
40.	Tanjong Bunga	29
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>3,441</b>

\*Data eKasih bertarikh 31 Mac 2024 [ICU, JPM Pulau Pinang]

- (b) Data dan senarai keluarga Miskin Tegar telah diselaras secara bersama di antara pihak ICU, JPM Pulau Pinang dengan Jabatan dan Agensi pemberi bantuan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat-pejabat Daerah, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan juga Zakat Pulau Pinang. Proses semak silang juga diadakan secara berkala bagi memastikan data dan senarai Miskin Tegar dalam Sistem eKasih adalah terkini dan boleh diandalkan.

Proses pembersihan data juga dilaksanakan dan proses ini dapat membantu Jabatan/Agensi pemberi bantuan untuk mengenal pasti bentuk bantuan yang dapat disalurkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) bagi mengeluarkan mereka dari kategori Miskin Tegar.

Proses pembersihan data bersama Jabatan/Agensi Pemberi bantuan amat berkesan apabila kesemua KIR/AIR dalam kategori Miskin Tegar diperhalusi secara individu untuk membantu mereka keluar daripada kategori Miskin Tegar.

- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan dasar pembasmian kemiskinan tegar melalui Program Agenda Ekonomi Saksama sejak Mac 2009 yang merupakan bantuan

kewangan secara bulanan untuk membantu isi rumah miskin. Sehubungan dengan itu, bermula dari bulan September 2020, AES telah digabungkan dengan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengoptimumkan sumber kewangan dan memastikan tadbir urus yang lebih efisien. Gabungan kedua-dua program ini dijenamakan sebagai **Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)**. Program BAES yang diberikan secara *top-up* kepada individu/keluarga yang berpendapatan per kapita bawah RM260 berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri. Setiap permohonan bantuan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan BAES akan diluluskan pada kadar antara RM100.00 (minimum) sehingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri menggunakan data penerima Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) melalui senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang dalam pelaksanaan pemberian bantuan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan **Program iSejahtera** bagi menghargai dan mengenang jasa bakti rakyat yang merangkumi Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU), Ibu Tunggal, Suri Emas, Bayi dan Khairat Kematian yang merangkumi program-program berikut:

- (i) Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), Program Bantuan Ibu Tunggal dan Program Suri Emas yang dilaksanakan setiap tahun dengan sumbangan sebanyak RM200 seorang (warga emas dan OKU)
- (ii) Program Anak Emas yang merupakan program penghargaan kepada setiap kelahiran rakyat negeri Pulau Pinang akan dikreditkan RM100 ke akaun bank pemohon dan RM100 lagi ke dalam akaun Simpan SSPN Prime; dan
- (iii) Bantuan *one-off* sebanyak RM1,000 kepada waris warga emas, ibu tunggal dan OKU bagi pengurusan jenazah.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin kepada rakyat yang terlibat dengan sektor ekonomi, justeru **Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)** di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan dengan memfokuskan kepada

peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000 sebulan. Bantuan peralatan bertujuan bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk *output* yang lebih besar.

Kebajikan dan perlindungan sosial termasuk kediaman rakyat merupakan elemen yang dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas menerusi **Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin** di bawah Program MMK Pembangunan Luar Bandar. Program ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2008 merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada golongan miskin di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

10. Berapakah jumlah penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di Pulau Pinang? Perincikan mengikut kawasan DUN.
  - (a) Apakah penerima SARA juga mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri? Jika ya, nyatakan bentuk dan nilai bantuan itu.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Sumbangan Asas Rahmah (SARA) merupakan sumbangan tambahan kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) berstatus miskin dan miskin tegar eKasih di mana pelaksanaannya telah ditambah baik pada tahun 2024 bagi memenuhi keperluan barang asas (Januari hingga Disember 2024) dengan kelayakan berjumlah RM1,200/RM600 melalui pembelian tanpa tunai mengikut kadar RM100/RM50 sebulan dalam tempoh 12 bulan.

Penambahbaikan SARA untuk tahun 2024 merangkumi:

- (i) Memperluas penerima yang layak untuk SARA merangkumi golongan miskin dan miskin tegar, berbanding tahun 2023 yang hanya terhad kepada miskin tegar;
- (ii) Meningkatkan kadar bantuan untuk isi rumah SARA kepada RM1,200 berbanding RM600 pada tahun 2023. Manakala, kadar untuk golongan bujang kekal RM600; dan

- (iii) Mengambil kira maklum balas penerima, penggunaan kredit program SARA diperluas daripada hanya makanan asas kepada tiga kategori barang asas tambahan iaitu barang kebersihan diri, ubat-ubatan dan peralatan persekolahan.

Dalam konteks ini, rakyat Pulau Pinang yang layak untuk SARA tidak terkecuali dalam menerima manfaat tersebut. Bilangan penerima SARA di Pulau Pinang sehingga 14 Mei 2024 adalah seramai 26,441 orang dengan implikasi kewangan berjumlah RM25 juta setahun. Tiada rekod penerima sumbangan mengikut kawasan DUN yang direkodkan oleh Sekretariat Sumbangan Tunai Rahmah, Kementerian Kewangan Malaysia.

- (a) Tidak dapat dinyatakan sama ada penerima SARA juga mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri. Ini disebabkan sistem yang digunakan pakai tidak diintegrasikan secara menyeluruh. Namun, diperingkat Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyediakan bantuan kewangan Persekutuan dan Negeri kepada golongan yang memerlukan mengikut syarat Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan syarat khusus skim bantuan. Syarat Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) adalah seperti berikut:
- (i) Purata Pendapatan Isi Rumah (PGK 2022) RM1198;
  - (ii) Purata Pendapatan Per Kapita (PGK 2022) RM322; dan
  - (iii) Purata Pendapatan Per Kapita Negeri RM260

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

11. Usaha menoktahkan Kemiskinan Tegar adalah sukar dan perlu dilakukan secara berterusan. Apakah pelan tindakan atau program yang diatur oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan keluarga miskin tegar yang telah berjaya dikeluarkan dari perangkap kemiskinan itu tidak kembali jadi miskin atau miskin tegar?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Miskin Tegar (MT) di Negeri Pulau Pinang telah dinoktahkan pada 30 April 2024. Kerajaan Persekutuan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah mengunci data eKasih pada Januari 2023 dengan bilangan 4,949 Ketua Isi Rumah (KIR) yang masih dalam kategori Miskin Tegar dan perlu diberi tumpuan untuk dinoktahkan. Kerajaan Persekutuan telah memberi tumpuan kepada data yang dikunci tersebut memandangkan data eKasih bersifat dinamik. Justeru, data KIR Miskin Tegar yang dikunci dengan jumlah 4,949 telah berjaya dinoktahkan pada 30 April 2024.

Proses verifikasi bancian ke atas permohonan eKasih dan proses pemutihan data sentiasa dilaksanakan dan disebabkan proses tersebut, data miskin tegar masih wujud di dalam Sistem eKasih. Berdasarkan kepada data eKasih hingga 31 Mac 2024, terdapat sebanyak 3,441 KIR dalam kategori miskin tegar. Oleh itu, usaha menoktahkan miskin tegar adalah sukar dan perlu dilakukan secara berterusan.

Antara pelan tindakan atau program yang diatur oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan keluarga miskin tegar berjaya dikeluarkan dari perangkap kemiskinan adalah seperti berikut:

- (a) Proses pendaftaran Ahli Isi Rumah (AIR) yang sesuai ke dalam sistem MYFutureJobs - membantu sesebuah keluarga mencari pekerjaan yang padan.
- (b) Program Pemberian Tunai - menyediakan bantuan kewangan kerajaan kepada keluarga dan individu yang berpendapatan rendah.
- (c) Bantuan Bina Baru Rumah/ Bantuan Baik Pulih Rumah - membantu menampung kos-kos perbelanjaan dan/atau membaik pulih rumah kediaman.
- (d) Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) - menawarkan pelbagai latihan dan bimbingan keusahawanan, bantuan modal permulaan perniagaan dan lain-lain.
- (e) Program Pemerkasaan Komuniti - menawarkan program latihan pekerjaan, kursus celik kewangan dan program pembangunan keusahawanan.
- (f) Skim Pinjaman Harapan (SKH) - menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam.
- (g) Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) - menyediakan pinjaman mikro dan bantuan usahawan kepada golongan berpendapatan rendah.
- (h) Program Bank Simpanan Nasional (BSN) Micro Kasih - menawarkan pinjaman mikro kepada keluarga dan/atau individu yang berpendapatan rendah.
- (i) Pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) - menawarkan pelbagai pinjaman perniagaan kepada peminjam yang berkelayakan.

Selain itu, pihak Kerajaan melalui bantuan pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan proses pendaftaran AIR yang sesuai ke dalam sistem MYFutureJobs, iaitu Portal Pekerjaan Nasional Malaysia untuk semua pencari kerja dan majikan. MYFutureJobs menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan algoritma pemadanan yang disahkan untuk menyediakan

padanan kerja paling tepat berdasarkan kemahiran dan kecekapan pencari kerja. Penempatan pekerjaan bagi AIR dapat membantu sesebuah keluarga itu dapat dikeluarkan daripada status miskin tegar.

Kerajaan juga melaksanakan pelbagai Program Pemberian Tunai yang merupakan strategi pengurangan kemiskinan yang digunakan secara meluas dengan menyediakan bantuan kewangan kerajaan kepada keluarga dan individu berpendapatan rendah. Program ini secara dasarnya menawarkan bantuan tunai kepada penerima secara tetap, yang boleh digunakan untuk menampung keperluan asas seperti makanan, perumahan dan penjagaan kesihatan. Program-program ini menyediakan jaringan keselamatan bagi mereka yang bergelut untuk memenuhi keperluan hidup dan membantu mereka mengakses sumber yang mereka perlukan untuk memperbaiki keadaan ekonomi mereka.

Antara bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) yang diberi secara bulanan dan bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar serta Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan.

Kerajaan Negeri turut memberi Bantuan Bina Baru Rumah kepada golongan miskin untuk menampung perbelanjaan membina rumah kediaman yang lebih selamat dan sesuai untuk didiami. Bantuan Baik Pulih Rumah pula diberikan untuk menampung kos-kos membaik pulih rumah kediaman yang rosak agar bebanan implikasi kewangan tersebut kepada golongan miskin dapat dikurangkan.

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) juga telah dimulakan sebagai usaha menontahkan kemiskinan tegar. IPR menumpukan kepada pengupayaan golongan termiskin supaya meningkatkan potensi pendapatan. Tiga (3) inisiatif rintis yang dipergiatkan di bawah IPR adalah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Pihak kerajaan juga melaksanakan Program Pemerkasaan Komuniti yang dijalankan untuk membantu komuniti berpendapatan rendah. Program Pemerkasaan Komuniti akan menyediakan sumber dan peralatan yang diperlukan untuk meningkatkan kehidupan mereka yang memerlukan. Program ini biasanya dikendalikan oleh pihak

kerajaan melalui Pejabat Daerah meliputi program latihan pekerjaan, kursus celik kewangan dan program pembangunan keusahawanan.

Program Pemerkasaan Komuniti adalah bahagian penting dalam usaha memerangi kemiskinan, kerana ia membantu masyarakat berpendapatan rendah agar dapat berdikari melalui pendidikan, latihan dan akses kepada sumber.

Program mikro kredit yang khusus untuk golongan miskin dan miskin tegar di Malaysia termasuklah Program Basmi Miskin Tegar (BMT) yang dilancarkan oleh Kementerian Ekonomi. Program ini bertujuan untuk membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan KIR dan AIR miskin tegar di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Program BMT yang kini dijenamakan sebagai Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) menawarkan pelbagai latihan dan bimbingan keusahawanan, bantuan modal permulaan perniagaan, bantuan peralatan dan mesin, pembungkusan, pelabelan dan persijilan.

Kerajaan Negeri juga menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebangkan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikro kredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka.

Selain itu, pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga menyediakan pinjaman mikro dan bantuan usahawan kepada golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Bantuan ini bertujuan untuk membantu masyarakat berpendapatan rendah di Malaysia mendapat akses kepada sumber kewangan yang lebih mampu milik. Selain itu, pihak AIM juga turut menawarkan pelbagai latihan dan bimbingan keusahawanan, bantuan modal permulaan perniagaan, bantuan peralatan dan mesin, pembungkusan, pelabelan dan persijilan.

Bank Simpanan Nasional (BSN) juga menawarkan pinjaman mikro melalui program BSN Micro Kasih. Program ini ditawarkan kepada usahawan mikro untuk membantu mereka yang berhasrat mengembangkan perniagaan. Syarat-syarat kelayakan termasuklah dimiliki oleh warganegara Malaysia dan perusahaan mikro (milikan tunggal/ perkongsian/ perkongsian liabiliti terhad/ Syarikat Sdn. Bhd.).

Selain itu, Pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut menawarkan pelbagai jenis pinjaman perniagaan yang boleh dimohon oleh para peniaga yang berkelayakan. Pihak jabatan seperti Jabatan Pertanian Negeri turut menawarkan Pinjaman Kredit bagi mereka yang terlibat dalam bidang pertanian melalui Tabung Usahawan Tani (TUT) yang dilaksanakan secara bersama dengan pihak PDC.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVIII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

